

29 MAY 1999

Mahathir-Kuasa

SAYA TIADA KUASA LEPASKAN ANWAR, KATA MAHATHIR

Oleh Khairdzir Yunus

NAGOYA, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mempunyai kuasa untuk membebaskan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun.

Sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai kuasa berbuat demikian untuk memenuhi permintaan ramai rakan bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan itu.

"Ada banyak kawan Datuk Seri Anwar yang meminta saya melepaskan dia tetapi saya tidak ada kuasa untuk melepaskannya," kata beliau pada perjumpaan dengan penuntut-penuntut Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan tujuh hari ke Jepun, memulakan lawatannya ke bandar raya pelabuhan ini sebelum berlepas ke Tokyo pada Rabu ini.

Menurutnya antara orang ternama yang telah menulis surat kepadanya supaya beliau membebaskan Anwar ialah komposer dan pemimpin orkestra terkemuka dunia, mendiang Yehudi Menuhin.

Bekas Perdana Menteri Turki, Necmettin Erbakan, juga menghantar wakil untuk menemuinya bagi menyampaikan niat yang sama, katanya.

Dr Mahathir berkata Anwar telah dihadapkan ke mahkamah dan didapati bersalah terhadap tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Menurutnya sebagai Perdana Menteri, beliau tidak mempunyai kuasa yang dapat mengatasi undang-undang.

"Pemerintahan tidak menjadikan kita kebal daripada undang-undang negara," katanya.

Anwar kini menjalani hukuman penjara selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, pada 14 April lepas, mendapati beliau bersalah terhadap empat pertuduhan rasuah dengan menyalahgunakan kuasanya, setelah dibicarakan selama 78 hari.

Perdana menteri juga berkata ramai rakan-rakan Anwar kini cuba menjatuhkan kerajaan dan mengadakan pakatan yang terdiri daripada PAS, DAP, Parti Rakyat Malaysia dan Parti Keadilan Nasional.

Bagaimanapun, menurutnya pakatan itu aneh dan tidak mungkin mencapai kejayaan kerana masing-masing parti mempunyai matlamat yang berasingan.

"DAP nak wujudkan Malaysian Malaysia...sebuah negara berdasarkan meritokrasi. Kalau ini dilakukan orang yang miskin dan bodoh tidak akan mendapat tempat dalam negara.

"Pas pula hendakkan negara Islam tetapi DAP kata dia tidak akan benarkan negara Islam ditubuhkan...nampak pendirian dua parti ini berbeza-beza.

"Keadilan pula yang dipimpin (Dr) Wan Azizah (Wan Ismail, isteri Anwar)... apa juga pendirian parti-parti lain itu dia terima asalkan mereka membela suaminya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata jika dahulu PAS mengambil pendirian mengkafirkan Umno kerana bekerjasama dengan bukan Islam, tetapi parti itu kini melakukan perkara yang serupa.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Duta Besar Malaysia ke Jepun Tan Sri Haji Muhammad Khatib Abdul Hamid.

-- BERNAMA

KHY NAK